

Headline	Subahan pertahan pemain tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	76
ArticleSize	170 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,514		



Subahan pertahan pemain tempatan

Kuala Lumpur: Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal mempertahankan prestasi pemain tempatan pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini dengan menganggap prestasi mereka sebagai cukup bagus.

Kenyataan itu dilontarkan selepas mengambil kira senarai penjaring terbanyak MHL yang dikuasai empat pemain import diketuai bintang Pasukan Hoki Terengganu Gonzalo Peillat, namun bagi Subahan ia bukan ukuran sebenar prestasi keseluruhan pemain.

"Pertama sekali saya amat gembira apabila pada tahun ini kita berjaya membuktikan MHL sebagai antara liga terbaik dunia apabila kita dapat menarik pemain import ternama selain faktor Liga India yang sudah tiada.

"Buktinya apabila penjaga gol terbaik dunia dari Ireland David Harte dan pakar pukulan sudut penalti terbaik dunia (Peillat) memilih beraksi dalam liga kita musim ini."

Wajar diberi pujian

"Pada aksi final Sabtu lalu

kita dapat lihat mutu permainan cukup tinggi dipamerkan (UniKL dan KLHC) dan paling menarik apabila kita dapat melihat pemain muda kita dapat menyaingi pemain hebat dunia.

"Bagi saya ini satu permulaan cukup bagus untuk arena hoki tanah air dan saya turut gembira dengan peningkatan jumlah kehadiran penyokong pada musim ini," katanya semalam.

Namun, berdasarkan prestasi sepanjang lima minggu berlangsungnya liga utama negara itu dapat disimpulkan dari segi kualiti permainan ternyata ada

sinar buat pemain tempatan yang dilihat mempunyai keberanian dan lebih hebat dalam melakukan skil 3d berbanding import dunia ini.

Malah, pemain tempatan seperti Faizal Saari (THT), Fitri Saari (THT), Syed Mohamad Syed Syafiq Syed Cholan (TNB), Mohammad Akhimullah Anuar Esook (TNB), Tengku Ahmad Tajuddin Ab Jalil (TNB) dan Muhammad Hafizuddin Zaidi (KLHC) wajar diberi pujian kerana berjaya membuktikan Malaysia tidak pernah ketandusan bakat.

Oleh Naqib Nor Said